

TANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA

Oleh Mohd. Khairul Riza Tuan Mohd. Yusop



JIKA kita menyelak buku sejarah, kita akan ditemukan dengan sejarah perjuangan tokoh tempatan untuk menentang penjajahan. Penentangan terhadap penjajah ini dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah penentangan peringkat awal yang perjuangannya mengangkat senjata dan melahirkan pertempuran berdarah. Pada peringkat ini, pejuang tempatan menentang kemasukan penjajah Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1824), British (1824-1941) dan Jepun (1941-1945) yang sebahagiannya, pada asalnya, datang untuk berdagang, namun kemudiannya cuba mencampuri urusan pentadbiran negara sekali gus membawa misi imperialisme dan kolonialisme. Pada zaman ini, lahirlah pejuang seperti Mat Kilau, Tok Gajah, Dato' Maharajalela, Mat Saleh, dan Tuk Janggut. Kategori kedua pula ialah perjuangan menuntut kemerdekaan melalui semangat nasionalisme atau kebangsaan. Berlakunya kemunculan golongan cerdik pandai dan intelektual yang mahu membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajahan.

Apakah tujuannya tokoh ini berjuang? Jawapannya ialah mereka berjuang kerana mahu membebaskan diri dan negara daripada belenggu penjajah. Mereka mahu negara ini menjadi negara yang berdaulat dan diri

mereka menjadi individu bebas tanpa ada "ikatan" dan "paksaan" daripada orang lain. Menurut J.H.A. Logemann, kedaulatan negara bererti kekuasaan mutlak atau kekuasaan tertinggi penduduk dan wilayah bumi berserta isinya yang dipunyai oleh sistem negara nasional yang berdaulat. Perkataan kedaulatan juga bermaksud kuasa tertinggi yang dimiliki oleh negara. Dalam bahasa Arab, secara harfiahnya, kedaulatan berasal daripada kata "daulah" yang bererti kekuasaan.

Apabila mengimbu sejarah lampau, kita tahu betapa peritnya pejuang kemerdekaan mahu memerdekakan negara ini daripada penjajahan dan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara yang berdaulat. Namun begitu, sejauh manakah kita sebagai generasi masa ini dapat bertanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara? Tepuk dada tanya selera. Benarlah ada pendapat yang mengatakan bahawa menajaga kedaulatan negara itu lebih susah berbanding dengan mendapatkannya.

Apakah tanggungjawab kita untuk mempertahankan kedaulatan negara? Persoalan ini perlulah difikirkan sedalam-dalamnya kepada setiap warganegara Malaysia tanpa kita menghadkannya kepada sempadan bangsa atau agama, kerana setiap individu yang mengakui Malaysia

sebagai negaranya wajib bersedia untuk mempertahankan negara ini daripada dicemari kedaulatannya.

Setiap warganegara perlu mengukuhkan jati diri yang kuat yang disulami semangat patriotisme dan nasionalisme dalam diri masing-masing. Jati diri ini perlu disertakan dengan ketinggian akhlak, nilai kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, nilai rasionalisme, dan disalutkan dengan kekuatan mental dan spiritual. Dengan kekuatan jati diri yang ada, seseorang warganegara tidak mudah untuk diperkotak-katikkan oleh anasir asing. Rakyat akan bersedia untuk mempertahankan negara, pada bila-bila masa sahaja dan dalam apa-apa pun jua keadaan. Kekuatan jati diri inilah yang cuba disematkan dalam setiap pelatih yang terlibat dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dianjurkan oleh kerajaan. Dalam modul Malaysiaku, pihak PLKN berusaha untuk mengukuhkan semangat patriotisme dan membina jati diri pelatih agar mampu berjaya menjadi warganegara yang sayang akan negaranya.

Malaysia negara yang berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya. Ciri ini menjadi keunikan dan keistimewaan rakyat negara ini. Walaupun mempunyai kepelbagaian kaum, Malaysia masih mampu mengekalkan keamanan dan sifat saling menghormati antara kaum. Oleh itu, untuk mengekalkan kedaulatan negara, perpaduan antara kaum perlu terus dikekalkan. Patahkan perancangan pihak yang dengki dan iri hati dengan perpaduan kaum negara ini dengan menunjukkan semangat setia kawan dan saling bertoleransi. Yang lebih utama dalam mengekalkan perpaduan kaum ini adalah dengan menolok sikap etnosentrisme dalam diri setiap warganegara.

Etnosentrisme ialah perihail menilai kebudayaan lain dengan menggunakan ukuran dan standard daripada kebudayaan sendiri. Dari segi maksudnya pula, etnosentrisme bermaksud menganggap sikap dan kepercayaan bahawa cara hidup dan budaya etnik sendiri lebih unggul berbanding dengan cara hidup dan budaya warisan etnik lain. Dengan

adanya sikap ini, anggapan bahawa etniknya merupakan etnik lebih baik akan menjadi tidak subur. Mereka yang bersikap begini akan menolak apa-apa sahaja budaya dan cara hidup etnik lain yang dikatakan mempunyai banyak kekurangan. Bagi menyuburkan perpaduan kaum dan mengekalkan kedaulatan negara, sikap sebegini harus ditolak oleh setiap lapisan masyarakat.

Kedaulatan negara juga disandarkan kepada generasi muda. Generasi muda hari ini ialah penanda atau petunjuk keadaan negara pada masa akan datang. Oleh itu, generasi muda bertanggungjawab sepenuhnya mempertahankan kedaulatan negara. Kita tahu bahawa generasi muda sekarang sangat terdedah kepada globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Keluasan dan kecepatan dunia internet dan pendedahan kepada media sosial, seperti facebook, twitter, dan instagram, mendedahkan generasi muda kepada penjajahan bentuk baharu, iaitu penjajahan pemikiran atau ideologi. Tiada lagi peluru atau mortar dan serangan berdarah untuk menjajah generasi muda. Candukan sahaja mereka dengan serangan dalam gaya terkini, dalam bentuk penjajahan fikiran dan leraikan ikatan agama yang dipunyai oleh mereka, nescaya kedaulatan negara akan turut terganggu. Atas sebab itulah generasi muda perlu memainkan peranan penting sebagai perwira negara untuk menangkis segala serangan penceroboh kedaulatan negara. Gunakan internet dan media sosial secara matang. Gunakan akal yang diberikan oleh Tuhan untuk memikirkan sebab dan akibat atas sesuatu perbuatan yang akan dilakukan. Sesungguhnya, benteng kekebalan generasi muda untuk menghadapi serangan gaya baharu ini ialah tapisan sendiri yang dilakukan, iaitu dengan bijak menapis antara perkara yang baik dan memudaratkan.

Gerakan penjajahan pemikiran dan penanaman ideologi yang berbahaya bukan sahaja menyerang golongan muda, namun melibatkan semua golongan juga. Sebagai contohnya, penyusunan ideologi ekstremis dan

penggunaan telah berjaya dipupuk terhadap pemikiran rakyat negara ini. Bayangkan dengan hanya menggunakan media sosial dan momokan jihad daripada definisi yang salah, gerakan ISIS dan Daesh mampu melahirkan pejuang yang sanggup mati. Golongan ini lebih mengutamakan matlamat sehingga menghalalkan cara untuk mendapatkannya, walaupun melalui cara yang salah. Bagi agama Islam yang sebenar, sesuatu matlamat itu perlu disertakan dengan niat yang benar. Ahli falsafah era klasik, Socrates, berpendapat bahawa walaupun niat itu betul, jika perbuatan tersebut melanggar undang-undang, tetap dianggap sebagai tidak bermaruah dan tidak beretik. Gerakan ekstremis agama yang tidak berpaksikan nilai agama yang sebenar mampu mencabar kedaulatan negara. Oleh itu, setiap warganegara perlulah mempunyai benteng diri, terutama dalam pemahaman agama yang betul agar tidak dijadikan "kambing hitam" oleh orang lain semata-mata bagi mencapai kepentingan peribadi mereka.

Selain itu, tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara tentunya lebih besar dipikul oleh pemimpin negara. Kepimpinan negara perlu memastikan negara dipacu ke arah landasan yang betul. Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen, iaitu kerajaan dipilih melalui pilihan raya. Perlembagaan Persekutuan merupakan perlembagaan tertinggi di Malaysia yang perlu dipatuhi oleh masyarakat.

Oleh itu, bagi kerajaan yang dipilih oleh rakyat, mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan perlembagaan negara tidak dicabuli dan kedaulatan negara terjaga. Begitu juga dengan pihak pembangkang. Jadilah pembangkang yang mampu menjadi pengimbang kepada kerajaan dan bukannya menjadikan sesuatu itu isu panas yang hanya mampu diambil kesempatan untuk meraih keuntungan politik semata-mata.

Pembangkang juga perlulah berhati-hati apabila memainkan isu yang sensitif agar tidak menggugat kestabilan negara dan keharmonian negara. Dalam hal ini, kerajaan dan pembangkang seharusnya berganding bahu memastikan Malaysia terus maju dan dihormati di mata dunia. Rakyat dapat hidup secara bebas, hak individu dihormati, hak beragama, hak memberikan pendapat diraikan, hak beragama, dan hak untuk mendapatkan kehidupan yang aman dan selesa dapat dinikmati dalam negara yang berdaulat.

Kerajaan juga perlu memastikan sistem pertahanan dan keselamatan negara diperkuatkan. Seharusnya kita perlu bersiap siaga menghadapi sebarang tentangan yang mendatang. Peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, pada tahun 2013 merupakan contoh keselamatan dan kedaulatan negara kita boleh diganggu gugat. Pencerobohan oleh mereka yang menggelar diri mereka sebagai tentera kesultanan Sulu telah mengorbankan banyak anggota tentera negara kita. Sejak penganas komunis meletakkan

Peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, pada tahun 2013 merupakan contoh keselamatan dan kedaulatan negara kita boleh diganggu gugat. Pencerobohan oleh mereka yang menggelar diri mereka sebagai tentera kesultanan Sulu telah mengorbankan banyak anggota tentera negara kita.



Gambar www.japantimes.co.jp

senjata pada tahun 1989, kita telah dilimpahkan dengan keamanan sehingga menyebabkan kita terleka. Peristiwa Lahad Datu ini secara tidak langsung memberikan kesedaran kepada kita bahawa keamanan kita mampu ditarik balik jika kita cuai dan leka.

Oleh itu, langkah kerajaan mewujudkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) yang merangkumi daerah Kudat, Tawau, Kunak, Sandakan dan Lahad Datu yang kemudiannya disusuli penubuhan Zon Selamat Timur Sabah (Esszone) sebagai landasan perundangan kepada Esscom merupakan langkah terpuji yang perlu disokong oleh seluruh rakyat Malaysia. Ops Daulat yang dilakukan juga menunjukkan komitmen tertinggi kerajaan bagi memastikan kedaulatan negara terjamin.

Dari segi ekonomi, bagi memastikan kesinambungan kedaulatan negara, kita seharusnya berusaha untuk menjadi negara pengeluar atau negara pembuat bahan dan bukannya hanya beraksi sebagai negara pengguna. Perkara ini sangat penting kerana jika negara hanya menjadi negara pengguna, lambat laun kita tidak mampu berdiri sendiri dan negara kita boleh digugat oleh negara lain. Dalam konteks ini, negara sepatutnya kembali menjadi negara yang berasaskan pertanian yang dapat membekalkan sumber makanan kepada rakyat tanpa bergantung harap pada negara lain.

Namun begitu, jangan terlalu leka dengan bidang pertanian sahaja, kerana kita perlu juga menjadi perintis kepada yang menghasilkan barangan dalam bidang sains dan teknologi. Hal ini disebabkan bidang ini sangat penting bagi negara untuk terus berada di hadapan.

Peristiwa kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 menunjukkan kedaulatan negara boleh terancam oleh tindakan spekulator yang rakus merampas ekonomi dan kewangan negara. Berkat kerjasama antara kerajaan pada masa itu dengan rakyat, negara kita dapat memulihkan kemelesetan ekonomi dengan strategi sendiri tanpa mengharapkan bantuan Tabung Wang Antarabangsa yang sentiasa memasang perangkap terhadap mana-mana negara yang menghadapi krisis kewangan yang dapat menggugat kestabilan ekonomi negara.

Jika diimbau sejarah, Malaysia sudah lama menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar, sama ada secara multilateral atau bilateral. Perbahagian dasar luar negara dapat dibahagikan kepada beberapa tahap, iaitu tahap pertama ketika zaman Tunku Abdul Rahman (1957-1970), tahap kedua ketika zaman Tun Abdul Razak Hussain (1972-1976) dan Tun Hussien Onn (1976-1981), dan tahap ketiga ketika zaman Tun Dr. Mahathir Muhammad (1981-2003). Sudah tentu, dasar luar negara ini diteruskan pada zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Najib Tun Razak. Pada zaman

semua Perdana Menteri ini, dasar luar Malaysia ialah baik dengan semua negara luar, merangkumi bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya.

Pelantikan Malaysia sebagai tuan rumah bagi Forum Ekonomi Dunia mengenai ASEAN 2016 (WEF ASEAN 2016) pada 1 dan 2 Mei 2016 menjadi petanda kewujudan hubungan diplomatik dan bukti bahawa Malaysia dipandang tinggi bukan sahaja oleh anggota ASEAN, tetapi juga seluruh dunia. Forum yang menumpukan tiga perkara utama, iaitu keterangkuman dan pertumbuhan sosial, revolusi perindustrian keempat, dan langkah mengukuhkan integrasi serantau, secara tidak langsung berjaya mempromosikan Malaysia kepada masyarakat dunia sebagai ruang pelaburan. Malaysia mampu mengadakan pertemuan sebegini kerana negara ini berdaulat dan mempunyai hubungan yang baik dengan negara luar, sama ada sektor kerajaan ataupun swasta. Kedaulatan negara membolehkan pengawalan hal ehwal negara dan bebas mengadakan hubungan dan dasar dengan sesiapa sahaja. Atas sebab itu, pimpinan negara bertanggungjawab mengekalkan kedaulatan dengan mengadakan hubungan antarabangsa yang baik dengan semua negara.

Sebagai kesimpulannya, tanggungjawab untuk mempertahankan negara bukanlah terletak pada sebahagian orang, pegawai kerajaan, pimpinan, politikus atau para menteri sahaja. Semua warganegara, tanpa mengira pangkat, kedudukan, ras, atau dalam konteks lebih umum, iaitu rakyat, dan kerajaan perlu bersatu padu bagi memastikan negara kita terus berdaulat dan disegani oleh negara luar. Nilai patriotisme dan jati diri perlu ditanam dalam setiap warganegara tanpa mengira agama dan bangsa demi memastikan kedaulatan negara dapat dikekalkan. Apatah gunanya ada negara untuk kita diami sekiranya negara tersebut tidak punya kedaulatan dan senang dihenyakh-enyakh oleh musuh? **OS**